

UMP sasar 30 peratus pendapatan sendiri 2010

KUANTAN 11 Mac – Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyasarkan untuk menjana 30 peratus pendapatan sendiri menjelang 2010 bagi mengurangkan kebergantungan bantuan daripada kerajaan seperti disarankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohammad Said Mat Lela berkata, usaha itu dapat dicapai melalui penubuhan anak syarikatnya, Kuktem Holding yang berperanan mengkomersialkan produk-produk UMP ke dalam industri.

Menurut beliau, antara produk yang bakal dikomersialkan termasuk berasaskan penyelidikan dan perkhidmatan.

"Kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. Ini adalah permulaan bagi UMP untuk meneroka pasaran luar," katanya kepada pemberita pada Majlis Amanat Naib Canselor 2007 di sini.

Majlis itu diadakan sempena penukaran nama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu dari Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) kepada UMP berkuat kuasa 1 Februari lalu.

Mohamad Said berkata, UMP juga telah menubuhkan Taman Komersial dalam kampus bertujuan menjalin hubungan dua hala antara industri dan warga UMP.

Katanya, dengan adanya industri kecil dan sederhana di kawasan kampus UMP, para pelajar dan tenaga pengajar akan didedahkan kepada industri, manakala pihak industri pula mendapat kepakaran dan peralatan bagi menjalankan penyelidikan.

"Melalui hubungan ini, secara tidak langsung kita menyediakan pelajar sebelum menceburi industri selepas tamat pengajian," ujarnya.

Jelas beliau, disebabkan para pelajar sudah didedahkan lebih awal kepada industri, hampir semua mereka yang berjaya menamatkan pengajian pada Ogos tahun lalu mendapat pekerjaan dalam masa beberapa bulan sahaja.

"Dalam masa sebulan sahaja selepas tamat belajar, hampir 70 peratus daripada graduan kita ditawarkan pekerjaan," katanya.